

Headline	Kes berkaitan HIV makin serius		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	07 Mar 2013	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	22	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	84 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,473
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,420



Kes berkaitan HIV makin serius

Kuantan: Kes berkaitan HIV di negara masih pada tahap membimbangkan dengan 17,000 kes dilaporkan setakat ini, kata Presiden Majlis Aids Malaysia (MAM), Datuk Dr Raj Karim.

Katanya, 90 peratus kes jangkitan HIV terdiri daripada lelaki yang mana 26 peratus terdiri daripada golongan muda berusia antara 13 dan 29 tahun, 60 peratus berusia 30 hingga 49 tahun dan selebihnya berusia 50 tahun ke atas.

“Berdasarkan laporan terkini, pengamal seks rambang adalah yang paling banyak dijangkiti HIV diikuti penyalahgunaan dadah,” katanya selepas majlis penyampaian bantuan kepada rumah perlindungan Casa Harapan di sini, semalam.

Dr Raj berkata, MAM mengadakan pelbagai inisiatif menerusi rumah perlindungan di bawah naungannya dengan melaksanakan pelbagai program inisiatif rawatan, penjagaan, kaunseling dan sokongan kepada pesakit.

622 dapat perlindungan

“Hingga Disember lalu 622 penghuni mendapat perlindungan di 24 buah rumah perlindungan di bawah naungan MAM,” katanya.

Beliau berkata, MAM memperuntukkan RM15 juta setahun bagi melaksanakan pelbagai program di rumah perlindungan pesakit Aids di Malaysia. **BERNAMA**